

# PM nasihat MCA tamatkan kontroversi Nanyang Press

BH 20 JUN 2001

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini, menasihatkan pihak bertelagah dalam MCA, berikutan pembelian dua akhbar milik Nanyang Press Holdings Bhd (Nanyang) oleh Huaren Holdings Bhd (Huaren), menamatkan kontroversi itu.

Perdana Menteri berkata, mereka perlu mencari jalan keluar daripada kontroversi itu.

"Cadangan saya sangat mudah...saya tidak mahu sebarang kontroversi.

Mereka perlu mencari jalan menghentikannya," katanya pada sidang akhbar selepas menyampaikan Taklimat Presiden kepada ahli Umno di sini, hari ini.

Dr Mahathir mengulas kontroversi berhubung pembelian Nanyang Siang Pau dan China Press yang mendapat bantahan pelbagai pihak.

Huaren Holdings, sayap pelaburan MCA, mengambil alih 72 peratus saham dalam Nanyang Press pada harga RM5.50 sesaham, satu urusan yang di-

bantah beberapa pemimpin kanan MCA.

Semalam, sebuah konsortium diterajui Tan Sri Lim Guan Teik yang menamakan diri mereka sebagai kumpulan 'individu prihatin' menyatakan hasrat membeli semua kepentingan Huaren dalam Nanyang Press pada harga RM5.60 setiap saham dengan pertimbangan RM234.3 juta.

Dr Mahathir juga mengesahkan bahawa Lim ada menemuinya di Putrajaya hari ini.

"Ya...dia datang, dia tanya apa pandangan saya (mengenai tawaran konsortium itu). Saya bagi pandangan saya. Jadi selepas itu terpulang kepada dia (Lim). Saya tak payahlah cerita apa pandangan saya," katanya.

Sementara itu, Lim yang juga Presiden Persatuan Dewan Perniagaan dan Industri Cina Malaysia, ketika ditemui di luar pekarangan Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya tengah hari ini, menafikan membincangkan mengenai

pembelian itu dengan Dr Mahathir.

"Hari ini, tujuan utama kami cuma nak jemput Perdana Menteri ke satu jamuan malam dan surat jemputan sudah dihantar dua minggu lalu, nak tengok masa yang sesuai Perdana Menteri boleh hadir pada jamuan kami," katanya.

Semalam, konsortium itu menawarkan RM234.309 juta bagi membeli 41.840 juta saham terbabit pada harga RM5.60 sesaham, 10 sen melebihi harga diba-

yar Huaren ketika mengambil alih kepentingan itu daripada Hume Industries Bhd.

Mengenai kemungkinan tawaran itu diterima baik oleh Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Lim berkata, pihak terbabit sudah menyatakan kesediaan untuk membuat kajian lanjut.

"Jadi kita tunggulah terutama selepas mesyuarat agung luar biasa (EGM) MCA nanti. Selepas itu barulah saya boleh ulas lanjut," katanya.